

EXPERT TAILOR

MOHD FAIZ BIN RAHMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

EXPERT TAILOR

MOHD FAIZ BIN RAHMAT

Laporan ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat)

Fakulti Komputeran
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2013

ABSTRAK

Expert Tailor merupakan sistem untuk tukang jahit yang mengandung unsur teknologi (ICT) dimana tukang jahit tidak perlu lagi menggunakan buku lejar dan buku resit untuk merekod tempahan pelanggan dan proses kerja tukang jahit. Antara masalah yang mendorong penciptaan Expert Tailor berdasarkan sistem sediaada adalah, masalah inventori barangan jahitan, profil pelanggan, resit tempahan hilang, notifikasi untuk pelanggan dan kemungkinan data-data jahitan hilang adalah tinggi. Expert Tailor ini dibangunkan menggunakan Preprocessor Hypertext Programming (PHP) dan menggunakan pangkalan data MySQL. Wujudnya Expert Tailor ini dengan beberapa modul seperti modul tempahan, profil pelanggan, inventori tukang jahit, resit tempahan serta sistem pesanan ringkas kepada pelanggan. Sistem yang dibangunkan ini memenuhi keperluan premis tukang jahit dan dapat membantu kerjaya tukang jahit kearah yang lebih gemilang dan korporat. Expert Tailor menggabungkan cara kerja konvensional tukang ke dalam bentuk visual komputer supaya segala cara kerja berjalan dan berfungsi dengan lebih sistematik, selamat dan berkesan. Hasilnya, Expert Tailor tercipta dengan modul yang memenuhi kehendak tukang jahit dan membantu melancarkan urusan kerja tukang jahit khususnya.

ABSTRACT

Expert Tailor is a system custom made for tailor with a touch of technology (ICT). It is a system with the aim to assist tailors in business, so that they do not have to use a ledger book and receipt book to record customer orders and other management work. Among the problems that prompted the creation of the Expert Tailor are the monitoring of merchandise inventory and customer profiles, book keeping for receipts and orders, and customer follow ups and notifications. Tailoring business involves a lot of data keeping, and with huge orders, the chances of losing them are high. Expert Tailor was developed by using Preprocessor Hypertext Programming (PHP) and MySQL for the database. There are a few modules in Expert Tailor such as booking module, customer profile, merchandise inventory, booking receipts and a short message system (SMS) to the customer. The system was developed to meet the needs of premises and to help independent tailor or seamstress to manage their business better. Expert Tailor combined conventional work style into a computer visual form to ensure systematic, effective, smooth and safe work progress. As a result, the Expert Tailor meets the needs of tailoring business by facilitating them in their business management.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	TAJUK	i
	PENGESAHAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	ISI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan Projek	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Matlamat Projek	5
	1.5 Objektif	5
	1.6 Skop Projek	6
	1.7 Justifikasi Dan Kepentingan Projek	6
	1.8 Ringkasan	7

2	KAJIAN LITERATUR	9
	2.1 Pengenalan	9
	2.2 Kajian Terhadap Sistem Manual Tukang Jahit	9
	2.3 Pengurusan Inventori	13
	2.4 Internet	15
	2.5 Kajian Sistem Maklumat Pengurusan (SMP)	17
	2.6 Kajian Terhadap Sistem Tempahan Yang Berada Di Pasaran	22
	2.7 Kajian Terhadap Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Di Pasaran	25
	2.8 Teknologi Pembangunan Sistem	30
	2.9 Kajian Tinjauan Mengenai Sistem Tukang Jahit	33
3	METODOLOGI PEMBANGUNAN	39
	3.1 Pengenalan	39
	3.2 Metodologi Pembangunan Sistem	40
	3.3 Perisian dan Perkakasan	45
	3.4 Perancangan Projek Sarjana	47
	3.5 Ketepatan Prototaip	48
	3.6 Unified Modelling Language (UML)	49
	3.7 Ringkasan	50
4	HASIL KAJIAN DAN REKABENTUK	51
	4.1 Pengenalan	51
	4.2 Analisis Sistem	54
	4.3 Keperluan Pelanggan	57
	4.4 Reka Bentuk Sistem	59
	4.5 Ringkasan	73
5	PEMBANGUNAN DAN PENGUJIAN	74
	5.1 Pengenalan	74
	5.2 Pengujian	74
	5.3 Hasil Projek	75
	5.4 Pengujian Sistem	81
	5.5 Kesimpulan	85

6	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	86
6.1	Pendahuluan	86
6.2	Pencapaian	86
6.3	Kekangan Sistem	87
6.4	Kelebihan Sistem	88
6.5	Kelemahan Sistem	89
6.6	Cadangan Penambahbaikan Sistem	89
6.7	Rumusan	89
	RUJUKAN	91
	LAMPIRAN A-E	93

SENARAI JADUAL

NO	TAJUK	HALAMAN
2.1	Perbandingan Antara Kelebihan Dan Kelemahan SMP	21
2.2	Jadual perbandingan antara servis SMS	29
3.1	Perbandingan Metodologi Pembangunan Sistem	42
3.2	Spesifikasi Perkakasan	46
3.3	Spesifikasi Perisian	46
3.4	Fasa Pembangunan	47
4.1	Penerangan Modul	60

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	HALAMAN
2.1	Statistik tukang jahit dan maklumat berkaitan tukang jahit	12
2.2	Statistik pengguna <i>Internet</i> di Malaysia	17
2.3	Antaramuka www.indochina.com	22
2.4	Antaramuka www.smartshirt.com	23
2.5	Gambaran sistem SMS	26
2.6	Antaramuka bagi onlinesms4u.com	28
2.7	Contoh soalan tinjauan	33
2.8	Hasil tinjauan yang diperolehi	35
3.1	Fasa pembangunan sistem menggunakan model prototaip	45
4.1	Rajah Konteks	52
4.2	Rajah Hubungan Entiti	53
4.3	Rajah Aliran Data	54
4.4	Lakaran antaramuka-antaramuka Pendaftaran	62
4.5	Lakaran antaramuka-antaramuka Profil Pelanggan dan Tempahan Pelanggan	63

4.6	Lakaran antaramuka-antaramuka Pembelian Produk Atas Talian	64
4.7	Lakaran antaramuka-antaramuka Inventori	65
4.8	Lakaran antaramuka-antaramuka Sejarah Inventori dan Penempahan Pelanggan	66
4.9	Prototaip antaramuka-antaramuka pendaftaran tukang jahit	67
4.10	Prototaip antaramuka-antaramuka inventori	68
4.11	Prototaip antaramuka-antaramuka penempahan	69
4.12	Prototaip antaramuka-antaramuka sejarah inventori	70
4.13	Prototaip antaramuka-antaramuka status tempahan	71
4.14	Prototaip antaramuka-antaramuka pembelian atas talian	72
5.1	Antaramuka Menu Utama	76
5.2	Antaramuka Tambah Profil Pelanggan	76
5.3	Antaramuka Ubah Profil Pelanggan	77
5.4	Antaramuka Ukuran Pelanggan	77
5.5	Antaramuka Pemilihan Jenis Tempahan Pelanggan	78
5.6	Antaramuka Cetakan Resit Tempahan	78
5.7	Antaramuka Lihat Inventori	79
5.8	Antaramuka Ubah Inventori	79
5.9	Antaramuka Ukuran Untuk Tukang Jahit	80
5.10	Soalan Tinjauan Untuk Kepuasan Responden Terhadap Sistem	82
5.11	Rumusan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Sistem	83

SENARAI SINGKATAN

HTML	<i>Hyper Text Markup Language</i>
PHP	<i>Preprocessor Hypertext Programming</i>
MySQL	<i>My Structured Query Language</i>
PHP	<i>Preprocessor Hypertext Programming</i>
WWW	<i>World Wide Web</i>
ASP	<i>Active Server Pages</i>
CFML	<i>ColdFusion Markup Language</i>
SMP	Sistem Maklumat Pengurusan
SDLR	<i>System Development Life Cycle</i>
UML	<i>Unified Modeling Language</i>
TCP/IP	<i>Transmission Control Protocol/Internet Protocol</i>
IIS	<i>Internet Information Services</i>
JSP	<i>Java Server Pages</i>
CGI	<i>Common Gateway Interface</i>
DBMS	<i>Database Management System</i>
ARPA	<i>Advanced Research Project Agency</i>
SMS	<i>Short Message Services</i>
WAP	<i>Wireless Access Point</i>

SENARAI LAMPIRAN

NO	TAJUK	HALAMAN
A	Carta Gantt 1 dan 2	93
B	Poster Expert Tailor	96
C	Brochure Expert Tailor	98
D	Antaramuka Expert Tailor	100
E	Rancangan Perniagaan	110

BAB 1

PENGENALAN PROJEK

1.1 Pengenalan

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi khususnya *Internet* pada hari ini telah banyak menyumbang dalam kemajuan bidang perniagaan. Fungsi *Internet* yang paling utama adalah sebagai satu landasan kepada entiti perniagaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan tanpa halangan kos, masa dan tempat. Jelasnya *Internet* menawarkan banyak kemudahan tambahan kepada perniagaan biasa. Dalam semua perniagaan, keperluan terhadap teknologi yang mampu memudahkan aktiviti perniagaan adalah penting. Pembaharuan yang dapat diberi *Internet* telah banyak mengubah dan seterusnya mewujudkan model perniagaan yang menjadikan kebaikan-kebaikan *Internet* sebagai aset terpenting dalam membantu kejayaan sesebuah perniagaan. Maka wujudlah perniagaan yang dijalankan secara atas talian yang pada hari ini dikenali dengan pelbagai nama seperti *e-business*, *Internet Marketing*, *E-Dagang* atau perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi.

Dari satu sudut, *Internet* menawarkan pasaran yang terbuka luas kepada entiti perniagaan atau sesiapa sahaja yang mempunyai produk dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada pengguna *Internet* diseluruh dunia. Persoalan yang timbul ketika ini adalah bagaimana untuk mewujudkan sebuah perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi yang berupaya menjana keuntungan besar. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini telah banyak menyumbang kemajuan dalam bidang perniagaan. Hampir semua jenis perniagaan pada hari ini banyak bergantung kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terutamanya dalam mentadbir perniagaan tersebut. Selain daripada membantu dalam bidang perniagaan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini juga telah banyak membantu manusia dalam mengurus hal-hal harian mereka. Dalam industri jahitan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini dapat membantu mengurangkan kos pentadbiran dan dapat mempercepatkan proses sesuatu urusan.

Justeru itu, penulisan ini cuba mengupas persepsi perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi yang berjaya. Selain itu penulis akan mengkaji langkah-langkah dalam mewujudkan sebuah perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi. Perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi ini akan menembusi pasaran perniagaan berasaskan jahitan untuk tukang jahit, butik pakaian, pereka fesyen dan seterusnya badan atau persatuan yang terlibat dalam industri jahitan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perniagaan jahitan secara tradisi dengan kaedah manual mempunyai banyak kelemahan yang boleh diatasi dengan penggunaan teknologi yang wujud masa kini. Pengurusan transaksi perniagaan yang sistematik, menjimatkan kos dan masa, mengurangkan kebergantungan kepada sumber manusia, dan keperluan terhadap sistem yang bersifat automasi menjadi kelebihan terhadap penggunaan teknologi dalam perniagaan. Lebih-lebih lagi perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi boleh digunakan oleh perniagaan yang telah sedia ada ataupun bagi sebuah

perniagaan yang baru diwujudkan. Amnya kebanyakan perniagaan di Malaysia masih lagi kurang menggunakan ICT (*Information and Communication Technologies*) dalam operasi perniagaan mereka apatah lagi menggunakan *Internet* sebagai salah satu cabang pemasaran bagi perniagaan mereka. Masih banyak perniagaan samada berasaskan produk serta perkhidmatan masih dilakukan secara manual. Dalam hal ini masih terdapat kelemahan dalam perniagaan biasa yang dapat ditangani oleh perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi.

Antara kelemahan perniagaan biasa adalah pada peringkat awal membina perniagaan. Lazimnya untuk berniaga seseorang memerlukan premis misalnya kedai atau tapak perniagaan untuk perniagaannya beroperasi dan sebagai tempat untuk bertemu pelanggan. Peniaga juga perlu menggaji pekerja, membeli perkakasan dan kelengkapan yang bersesuaian dengan jenis perniagaan yang mereka jalankan. Keadaan seperti itu bukan lagi satu perkara yang mustahak bagi perniagaan *Internet*. Tiada halangan modal dalam perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi. Pemilik bebas untuk menentukan saiz perniagaan mengikut keupayaan sendiri. Prinsip utama perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi adalah untuk meminimalkan keperluan untuk memulakan perniagaan dengan sebaik mungkin. Perkara asas yang perlu bagi menjalankan perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi adalah sebuah laman web yang menerangkan tentang perniagaan mereka, *hosting*, komputer, sambungan *Internet* jalur lebar dan diurus oleh bilangan pekerja yang minima. Kedua adalah berkenaan pengurusan operasi perniagaan. Untuk perniagaan manual, semua aktiviti perniagaan masih dilakukan secara “atas kertas”. Ini bermaksud semua dokumen dalam operasi seharian seperti pengendalian pesanan dari pelanggan, sebut harga, pengeluaran invois dan sebagainya dilakukan dengan mengisi borang dan difailkan secara manual.

Begitu juga dalam hal-hal lain seperti pengiklanan dan penerimaan bayaran atas setiap pembelian. Masalah di atas boleh dipermudahkan dengan menggunakan sistem perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi yang dimana kebanyakan urusan dilakukan secara elektronik dan automatik. Tidak dinafikan masih banyak lagi produk dan servis yang terdapat dalam negara ini yang berpotensi untuk

dipasarkan. Namun faktor kos dan masa merupakan masalah kritikal bagi semua perniagaan. Melalui perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi, sesebuah perniagaan boleh dijalankan berdasarkan keupayaan pemilik. Dengan modal dan kos operasi yang minimum, banyak perkara boleh dipermudahkan. Sebagai contoh model perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi boleh dijalankan pada skala rendah atau perniagaan yang diusahakan secara kecil-kecilan dari rumah atau pejabat yang dikenali sebagai SOHO (*Small Office and Home Office Business*). Di negara barat konsep perniagaan sebegini adalah sesuatu yang umum dan menghasilkan pulangan yang lumayan samada dijalankan sepenuh masa atau secara sambilan.

Namun masyarakat peniaga di Malaysia masih kurang pengetahuan tentang cara-cara untuk memulakan perniagaan di *Internet* sebegini. Tidak kurang juga yang telah memasuki bidang perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi ini, namun kebanyakan mereka gagal untuk mewujudkan perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi yang mendapat sambutan. Sebagai pengusaha perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi, mereka mempunyai masalah untuk mewujudkan perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi yang boleh bersaing dalam pasaran sekarang. Selain dari itu, kepentingan untuk memuaskan hati pelanggan juga adalah penting. Pada zaman serba moden ini, pelanggan inginkan kepuasan yang optima dari segi servis, kepantasan melakukan kerja disamping inginkan kualiti yang terbaik. Justeru itu, status proses kerja tukang jahit perlu disampaikan kepada pelanggan untuk memudahkan dan menjimatkan masa semua pihak disamping mengekalkan kualiti yang terdapat di dalam sistem manual.

1.3 Pernyataan Masalah

Bagi menjamin keberkesanan pembangunan projek Expert Tailor ini, maka terdapat beberapa pernyataan masalah yang dapat dikenalpasti seperti :

- i. Sistem pengurusan tempahan dan inventori tukang jahit dipasaran sekarang ini tidak memberikan penyelesaian yang menyeluruh.

- ii. Sistem yang berada dipasaran sekarang ini juga adalah kebanyakannya berkonsepkan pelanggan-pelayan dan sudah ketinggalan zaman.
- iii. Kos operasi meningkat.
- iv. Proses menyiapkan sesuatu kerja itu akan menjadi lambat.
- v. Kaedah manual menggunakan buku lejar ini memerlukan kuantiti yang banyak untuk menyimpan data inventori bagi setiap tempahan dan profil pelanggan dari tahun ke tahun.
- vi. Pelanggan turut bermasalah untuk mengetahui status tempahan yang dilakukan samada masih dalam proses jahitan atau sudah siap sedia untuk diambil atau mempunyai masalah ketika proses pembuatan.

1.4 Matlamat Projek

Matlamat projek ini adalah untuk menghasilkan sistem Expert Tailor yang merupakan sebuah perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi untuk tukang jahit yang boleh memasarkan dan melariskan produk secara atas talian, seterusnya menggantikan sistem manual tempahan dan inventori tukang jahit kepada aplikasi berasaskan web yang turut dihubungkan dengan *Internet* serta sistem pesanan ringkas (*SMS*) kepada pelanggan untuk memastikan pengurusan lebih sistematik dan cekap.

1.5 Objektif

Untuk projek Expert Tailor ini, beberapa objektif telah dikenalpasti bagi membantu mencapai matlamat projek ini seperti :

- i. Mengkaji keperluan tukang jahit bagi urusan tempahan dan inventori jahitan.
- ii. Merekabentuk dan membangunkan sistem tukang jahit berasaskan web iaitu Expert Tailor.

- iii. Mengimplimentasikan sistem pesanan ringkas (SMS) yang menghubungkan sistem Expert Tailor pada tukang jahit dengan telefon bimbit pelanggan.

1.6 Skop Projek

Bagi projek Expert Tailor ini, beberapa skop projek telah ditetapkan bagi menjayakan projek ini seperti:

- i. Hanya untuk tukang jahit, pereka fesyen, butik pakaian serta badan dan persatuan yang terlibat dalam jahitan.
- ii. Menyediakan modul tempahan untuk jahitan.
- iii. Menyediakan modul inventori untuk data operasi premis serta jahitan dan data profil pelanggan.
- iv. Membangunkan sistem pesanan ringkas (SMS) dari sistem tukang jahit ke telefon bimbit pelanggan.
- v. Menyediakan modul cetak resit pada setiap transaksi tempahan dan pembelian.
- vi. Menggunakan platform PHP dan pangkalan data MySQL.

1.7 Justifikasi Dan Kepentingan Projek

Pembangunan sistem tempahan dan inventori berasaskan web ini adalah penting sebagai alat atau cara untuk menjadikan profesion tukang jahit lebih sistematik dan cekap dalam menguruskan hal berkaitan tempahan, pengurusan rekod inventori jahitan, transaksi dan profil pelanggan. Penggunaan teknik dan model dalam sistem inventori yang dibangunkan ini membantu pihak tukang jahit dalam membuat keputusan, merancang pembelian stok bahan untuk kegunaan dan mengawal kos yang diperlukan. Adakah sistem sedia ada yang manual memenuhi

ciri-ciri yang diperlukan? Kesimpulannya, pelaksanaan sistem ini membolehkan pengurusan tukang jahit:

- i. Mengoptimumkan masa kerja untuk proses pengemaskinian inventori dan penempahan tempahan jahitan.
- ii. Memudahkan pengurusan tukang jahit.
- iii. Memuaskan hati pelanggan tukang jahit dengan servis yang sistematik dan cekap.

1.8 Ringkasan

Risiko perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi sebagaimana mana-mana perniagaan yang lain tetap ada. Tetapi perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi yang dirancang dan diuruskan dengan baik mampu mengurangkan risiko kerugian bagi pemilik. Disamping itu perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi berupaya menjana keuntungan yang lumayan kerana kekuatan *Internet* adalah liputan pasaran yang luas. Pasaran perniagaan ini tidak hanya tertumpu pada pasaran tempatan sahaja, pasaran utamanya adalah pasaran antarabangsa. Dengan penggunaan teknologi ICT (*Information and Communication Technologies*), perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi tidak pernah tutup. Ia akan beroperasi 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu mengikut kehendak pemilik. Ini jelas memberi kelebihan dalam perkhidmatan pelanggan kerana pelanggan boleh membuat urusan tanpa mengira halangan waktu dan tempat.

Dari sudut pengguna, *Internet* adalah sesuatu kemudahan bagi mereka untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan yang mereka inginkan. Tidak perlu bersesak dalam lalu lintas, mencari tempat letak kereta dan membazirkan masa. Di sinilah perniagaan *Internet* memainkan peranan. Di mana pengguna dapat melihat dan menilai produk secara atas talian melalui laman web, membuat pesanan dan seterusnya membuat bayaran. Kemudian barangan yang dipesan akan dihantar ke depan pintu rumah mereka. Semua ini tidak lama lagi akan menjadi satu tren dalam

kehidupan moden masa kini. Walau bagaimanapun semua itu hanya mampu dilakukan menerusi pengurusan perniagaan *Internet* yang bijak. Dengan mengambil contoh-contoh perniagaan *Internet* yang telah berjaya dan usaha yang konsisten, perniagaan berasaskan *Internet* dan komunikasi mampu berjaya dengan cemerlang.

RUJUKAN

- James A. O'Brien (2000). *Introduction to Information System Essentials for the Internetworked Enterprise*. Northern Arizona University : Irwin McGraw-Hill
- McLeod, Raymond. (1997). *Management Information System*. 6th ed. Texas A&M University : Prentice-Hall International Inc.
- Mohd Taib Wahid et al. (2000). *Sistem Maklumat Pengurusan*. Edisi Pertama. 47-49.
- Zainuddin Zakaria (2001). *Memahami Internet*. Kuala Lumpur : Win Publication.
- Suhaimi Ibrahim et al. (1999). *Kejuruteraan Perisian*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Connolly, T. & Begg, C. (2005). *Database Systems*. 4th edition. Addison-Wesley.
- Ondrus dan Pigneur (2004), *Mobil Based System*. Prentice Hall.
- Mohammad Khairul Shaleh Bin Asari (2010). *Opocot Quest: A Facebook Platform Game*. Master of Science, Universiti Teknnologi Malaysia, Skudai.
- Sommerville, I. (2007). *Software Engineering*. (8th ed.) England : Addison Wesley
- Norizal Abdul Latif, Mohd Fadzil Hassan, Mohd Hilmi Hasan. (2008). *Automated Notification and Document Downloading in E-Learning – Development of an Agent-Based Framework Utilizing the Push-Pull Technology Interaction Policy*. International Symposium on Information Technology, 2008. ITSIm Kuala Lumpur, Malaysia. Volume 1. Page(s) 1 – 7.
- Ron, S et al (2002). *XML and Web Services UNLEASHED*. (1st Edition) United States of America: Sams Publishing.
- <http://www.wolframalpha.com/input/?i=tailor> (July 2012)
- <http://www.indochina.com> (November 2012)

<http://www.selinawing.com/2011/09/social-media-in-malaysia-infographic.html>
(Disember 2012)

<http://www.smartshirt.com> (November 2012)

<http://www.onlinesms4u.com/> (November 2012)

<http://www.smsfax.com/pdf/SMS%20Whitepaper.pdf> (November 2012)